

MAHATHIR - IKRAR
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

SEOUL, 12 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM TADI BERIKRAR BAHAWA BELIAU AKAN TERUS BERUSAHA DENGAN GIGIH UNTUK MEMBANGUNKAN MALAYSIA HINGGA MENCAPAI TAHAP YANG SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU WALAUPUN BELIAU MUNGKIN TIDAK DAPAT MELIHAT KEJAYAANNYA SEMASA HAYATNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR HASRAT ITU TIDAK AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN MUDAH DALAM TEMPOH YANG SINGKAT TETAPI SEKIRANYA SEMUA PIHAK TURUT BEKERJA KERAS, LAMBAT LAUN MATLAMAT TERSEBUT AKAN TERCAPAI JUGA.

+KITA TIDAK MEMPUNYAI KUASA AJAIB TETAPI KALAU KITA SEMUA BEKERJA KERAS KITA AKAN BERJAYA...KALAU TIDAK DALAM TEMPOH 20 TAHUN DARI SEKARANG, 30 TAHUN ATAU 40 TAHUN,+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN BELIAU DAN ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI SEMENA LAWATANNYA KE KOREA SELATAN MULAI SEMALAM. BELIAU TIDAK DIJADUALKAN BERUCAP PADA MAJLIS ITU YANG DIANJURKAN OLEH KEDUTAAN MALAYSIA YANG BERLANGSUNG DI HOTEL SHILLA DI SINI.

SERAMAI 250 ORANG RAKYAT MALAYSIA TERMASUK 86 ORANG PELATIH MALAYSIA DAN 13 PEGAWAI YANG DIHANTAR KE SINI DI BAWAH RANCANGAN +PANDANG KE TIMUR+ HADIR. -- LAGI
1301MST 12 09 90

D264

U B456 AAB
MAHATHIR - IKRAR 2 SEOUL R R R

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG PENTING DAN HARUS DILAKUKAN OLEH SEMUA RAKYAT MALAYSIA TERUTAMA GOLONGAN MUDA IALAH BERUSAHA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM APA JUA BIDANG YANG MEREKA CEBURI.

+KITA HARUS BERJIWA DAN BERFIKIRAN BESAR, TAPI DENGAN BERJIWA DAN BERFIKIRAN BESAR TIDAK PULA BERMAKNA KITA MESTI BERFIKIR UNTUK MEMIJAM JUMLAH WANG YANG BESAR DARIPADA BANK DAN MENGGUNAKAN WANG ITU UNTUK MEMBELI KERETA BESAR.

+APA YANG SAYA MAKSUDKAN IALAH KITA HARUS SANGGUP MENGAMBIL RISIKO YANG MUNGKIN BESAR DALAM APA JUA YANG KITA USAHAKAN UNTUK MENDAPAT PULANGAN YANG BESAR,+ KATANYA.

BELIAU MENYEBUT PROJEK KERETA NASIONAL PROTON SAGA DAN PROJEK-PROJEK PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) YANG MENELAN BIAYA DAN BERISIKO BESAR YANG SEKARANG SUDAH TERBUKTI MENCAPAI KEJAYAAN BESAR.

+ SAYA MASIH INGAT APABILA PROJEK TERSEBUT MULA-MULA DILANCARKAN DULU, KITA MENERIMA BERBAGAI-BAGAI TOHMAHAN DAN KRITIKAN, TAPI KITA TERUSKAN JUGA KERANA KITA YAKIN KITA BOLEH BERJAYA. SEKARANG SUDAH TERBUKTI BAHAWA KITA TELAH BERJAYA,+ KATANYA. -- LAGI
1305MST 12 09 90

D266

U B457 AAB
MAHATHIR - IKRAR 3 SEOUL R R R

+APA YANG ORANG LAIN BOLEH BUAT, KITA JUGA BOLEH BUAT,+ KATANYA. DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN TERSEBUT TELAH MEMPERKUATKAN LAGI AZAMNYA UNTUK TERUS BERUSAHA WALAUPUN BELIAU SENDIRI MUNGKIN TIDAK AKAN MELIHAT HASIL KEJAYAANNYA NANTI KERANA USIA MANUSIA TERHAD.

+SAYA SUDAH 65 TAHUN. KALAU PUN SAYA HIDUP LAMA LAGI, SAYA TIDAK AKAN MENIKMATI HASIL YANG KITA USAHA SEKARANG. TAPI INI TIDAK AKAN MELEMAHKAN SEMANGAT SAYA.

+ADALAH TERLALU MEMENTINGKAN SENDIRI KALAU KITA HANYA MELAKUKAN SESUATU UNTUK MENIKMATI FAEDAHNYA KEMUDIAN.

+APA YANG KITA LAKUKAN SEKARANG IALAH UNTUK ANAK CUCU KITA DI HARI KEMUDIAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENINGGATKAN RAKYAT BAHAWA SUDAH BANYAK KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA DALAM TEMPOH 10 TAHUN YANG LEPAS, YANG TIDAK PERNAH DIFIKIRKAN SEBELUMNYA. -- LAGI

D269

U B458 AAB
MAHATHIR - IKRAR 4 SEOUL R R R

INI MENUNJUKKAN BAHAWA USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN KERAJAAN SETAKAT ADALAH BETUL, TAMBAHNYA.

BELIAU MENASIHATI PARA PELATIH MALAYSIA DI KOREA SELATAN SUPAYA MENGIKUTI CONTOH-CONTOH DAN ETIKA KERJA YANG BAIK SEPERTI YANG DIPELAJARI DI SINI.

+RAKYAT KOREA SELATAN SAMA JUGA DENGAN RAKYAT JEPUN, (MEREKA) MERUPAKAN SATU CONTOH BAIK SEBAGAI RAKYAT YANG BERJIWA DAN BERFIKIRAN BESAR,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU PERNAH DUA KALI DATANG KE SINI SEBELUM MENJADI PERDANA MENTERI DAN DUA KALI LAGI SEBAGAI PERDANA MENTERI (TERMASUK LAWATAN KALI INI), DAN TELAH MENYAKSIKAN SENDIRI PERUBAHAN DAN KEMAJUAN YANG DICAPAI KOREA SELATAN DALAM TEMPOH 25 TAHUN YANG LEPAS.

+SAYA MULA-MULA DATANG KE SINI DALAM TAHUN 1965. SEMASA ITU KOREA SELATAN MERUPAKAN SEBUAH NEGARA MISKIN, MALAH LEBIH MISKIN DARIPADA KITA DAN HASIL UTAMA MEREKA CUMALAH BERAS.+ -- LAGI
1320MST 12 09 90

D274

U B459 AAB
MAHATHIR - IKRAR 5 SEOUL R R R

+PADA TAHUN 1977, SAYA KE SINI LAGI. PADA MASA ITU MEREKA MULA MENGALIHKAN PERHATIAN KE BIDANG PERINDUSTRIAN. DAN PADA TAHUN 1983 APABILA SAYA DATANG LAGI, USAHA MEREKA DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN SUDAH MULA MENUNJUKKAN KEJAYAAN,+ KATANYA.

+PADA MASA ITU, PENGELUAR KERETA KOREA SELATAN, HYUNDAI MOTORS, MENGELUARKAN 300,000 UNIT SETAHUN. SAYA TANYA MEREKA KENAPA BUAT BEGITU BANYAK KERANA PASARAN TEMPATAN MASA ITU MASIH KECIL, MEREKA BERITAHU SAYA BAHAWA MEREKA BUAT UNTUK EKSPORT. INI MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA BERANI MENGAMBIL RISIKO,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEBERANIAN SEPERTI ITU DAN USAHA TERUS MENERUS YANG MEREKA LAKUKAN TELAH MENDATANGKAN HASIL YANG BAIK.

KATANYA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU, KOREA SELATAN KINI DAPAT BERSAING DENGAN JEPUN, MALAH IA KINI MERUPAKAN NEGARA PENGELUAR UTAMA KETUHAR GELOMBANG MIKRO. -- BERNAMA
1335MST 12 09 90